

04/02/2002

Golongan menyeleweng ancam keselamatan

Hishamuddin Aun

NEW YORK, Ahad - Malaysia, di sebalik kedudukannya sebagai negara Islam sederhana, menghadapi ancaman pihak yang menyeleweng daripada ajaran sebenar Islam dengan niat menggulingkan kerajaan, seboleh-bolehnya dengan cara kekerasan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sesi khas Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, pihak berkenaan enggan berganjak daripada pendirian mereka kononnya Malaysia negara sekular, lantas berasakan kerajaan sekarang perlu digantikan.

"Sebenarnya Malaysia sudah pun sebuah negara Islam. Agama rasminya adalah Islam, umatnya bebas mengamalkan tuntutan agama dan boleh mengguna pakai undang-undang syariah sebagai undang-undang kekeluargaan," katanya dalam ucapan bertajuk 'Peranan Islam Dalam Negara Maju'.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan yang turut dianggotai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, tiba di sini malam tadi.

Dr Mahathir berkata, segala keperluan beragama bagi umat Islam turut disediakan kerajaan manakala bukan Islam pula bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing kerana ia juga dibenarkan Islam.

Katanya, jika Islam kini tidak dilihat sebagai agama yang menerapkan keamanan dan kesederhanaan sebagaimana sepatutnya, ia bukan disebabkan ajaran Islam tetapi tafsiran pihak yang mempergunakan Islam untuk kepentingan mereka.

Berbanding ulama lampau yang mahir dalam pelbagai disiplin selain teologi Islam, ulama politik hari ini hanya berpengetahuan dalam beberapa bahagian ajaran Islam yang dilihat menyokong pandangan politik mereka semata-mata.

"Ramai menyalah tafsir dan menyelewengkan Islam untuk 'menghalalkan' pegangan politik mereka, termasuk yang kerap digunakan ialah cuma ulama boleh memerintah sesebuah negara," katanya.

Di Malaysia, kata Dr Mahathir, kerajaan pimpinannya dilabel sekular dan tidak Islamik oleh parti pembangkang, Pas, yang diketuai mereka yang mendakwa sebagai ulama.

Pas menanamkan kebencian terhadap kerajaan yang didakwa sekular itu dari peringkat kanak-kanak tadika lagi hingga usaha membendung kempen kebencian itu menghabiskan banyak masa kerajaan serta menjejaskan pembangunan.

Setiap kali usaha dilakukan bagi melonjakkan negara Islam ke tahap kemajuan negara bukan Islam, pelbagai kumpulan akan wujud dengan menuntut supaya 'kembali kepada Islam'.

"Kumpulan itu lazimnya ganas dan kerap mengisytiharkan 'jihad' ke atas kerajaan Islam yang berusaha membangunkan negara berkenaan.

"Disebabkan negara Islam ketinggalan, kumpulan ini tidak pula membantu sesama sendiri sebagaimana dituntut al-Quran, sebaliknya lebih cenderung mengharap bantuan takdir sebagaimana dianjurkan ulama yang menyeleweng," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah yang dihadapi negara Islam, termasuk Malaysia, disebabkan penyimpangan daripada asas-asas Islam yang sebenarnya mudah dan baik dalam menggalakkan keamanan dan persaudaraan.

"Di Malaysia yang rakyatnya berbagai bangsa dan agama, kami sudah cuba mengamalkan asas-asas Islam tetapi ekstremis yang menyimpang daripada ajaran Islam sentiasa mencemuhkannya.

"Begitupun, rakyat Melayu beragama Islam rata-rata enggan dipesongkan

daripada asas-asas Islam atau memberi kuasa kepada ulama politik yang tidak pun berkemampuan dalam pentadbiran dan pembangunan.

"Malaysia kini adalah sebuah negara maju moden juga kerana Islam dengan berpegang kepada asas-asas Islam. Malaysia berasa amat selesa dengan Islam dan kami boleh menjadi sebuah negara maju yang moden," katanya.

(END)